

# SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 42 (Ramadan, 1429H/Sept, 2008M)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

Barisan Jawatankuasa/Kepimpinan Surau Al-Ulum KD9 mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa sepanjang Ramadan Al-Mubaraq ini semoga kita semua sentiasa dalam keberkatan serta rahmat Illahi. Dikesempatan ini kami juga dengan rendah diri memohon keampunan kehadiran Illahi dan memohon maaf kepada semua ahli kariah atas segala kekurangan dan keterlanjuran.

## RAMADAN PELUANG MENGISLAH DIRI

Umat Islam seluruh dunia wajib bersyukur kerana masih lagi berkesempatan pada tahun ini menikmati kehadiran bulan Ramadan yang ditunggu-tunggu, kerana kedatangannya membawa seribu makna yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Apapun Ramadan memang benar-benar menjanjikan yang terbaik berupa amalan-amalan, yang bukan sahaja tidak dijanjikan pada bulan-bulan lain selainnya, malah setiap amalan itu pula diganjar dengan pahala yang berlipat kali ganda. Ia bertujuan untuk menggalakkan umat agar suka beribadat untuk mencari keredaan Allah SWT. Ditambah pula dalam Ramadan terdapat 'Lailatul Qadr', solat tarawih tadarus al-Quran, tazkirah, sessi berbuka puasa dan sahur, qiamullail, iktikaf, pengeluaran zakat fitrah, sedekah, penyediaan juadah berbuka puasa untuk orang yang berpuasa, bersolat jemaah pada solat lima waktu, bersegera melakukan kebaikan dan banyak lagi merupakan amalan-amalan yang boleh melonjakkan prestasi seorang individu Muslim itu kepada Allah SWT.

Bayangkan, bahawa Rasulullah s.a.w. ada menegaskan dalam sebuah hadisnya yang diriwayatkan oleh Salman al-Farisi maksudnya, setiap amalan sunat seseorang Muslim itu pada bulan Ramadan dianggap sebagai satu amalan fardu, dan amalan fardunya pula diganjar hingga 700 pahala, ia bertujuan menggalakkan kepada semua agar bersungguh melakukannya dan meraih pahala daripada Allah SWT.

Kaedah bagi melakukan pengislahan diri pada bulan Ramadan

\* Iringkan diri anda sentiasa bersama niat yang suci untuk melakukan pengislahan diri sepanjang bulan Ramadan.

\* Persiapkan diri anda dengan perancangan rapi untuk berubah dan sentiasa raihan perancangan tersebut.

\* Paling utama yang perlu anda lakukan ialah pulihkan hubungan baik dengan Allah, jadikan Ramadan tahun ini sebagai langkah permulaan ke arah itu dengan sentiasa memerhatikan segala kekurangan yang telah anda lakukan terhadap-Nya dalam segenap tindakan beribadat sebelum kehadiran Ramadan.

\* Jadikan Ramadan tahun ini untuk bertekad melakukan solat fardu pada awal waktu secara berjemaah di masjid atau surau, sama ada ketika berada di rumah atau di pejabat.

\* Mulakan tekad untuk bertadarus al-Quran, bukan sahaja dalam bentuk bacaan, malah meneliti ayat-ayatnya yang terdiri daripada arahan, larangan, janji syurga dan neraka, pahala dan dosa, mengenai hukum-hukum Allah yang wajib dilaksana, ayat-ayat gembira, sedih, ancaman dan sebagainya bagi membangkitkan rasa tanggungjawab untuk menjadikan diri sebagai hamba Allah yang kerdil di sisi-Nya, kerana al-Quran adalah kitab Allah yang abadi hingga ke akhir zaman.

\* Berjanji di hadapan Allah untuk menjadi hamba-Nya yang baik, dengan melakukan amar makruf dan nahi mungkar.

\* Menjadikan pelaksanaan solat fardu lima waktu sebagai pemangkin kepada meninggalkan perkara-perkara terlarang, sepertimana yang ditegaskan Allah dalam al-Quran, ia dapat dilakukan melalui penghayatan terhadap segenap bacaan yang terkandung dalam ibadat tersebut.

\* Bertekad untuk melakukan 'taubat nasuha' iaitu dengan niat dan berazam untuk meninggalkan segala kejahatan, tidak mahu mengulanginya semula, bersahabat dengan orang-orang yang boleh meningkatkan keimanan kepada Allah SWT, kerana setiap satu kesalahan walaupun kecil bentuknya, jika ia dilakukan, sesungguhnya ia telah mengundang kemarahan Allah, menggembirakan syaitan, menjauhkan diri anda daripada syurga, mendekatkan diri kepada neraka, menyebabkan Rasulullah s.a.w. sedih di dalam kubur, menyakiti para Malaikat, mengkhianati seluruh makhluk yang ada di muka bumi

\* Layani kedua-dua ibu bapa dengan baik dan sopan khususnya pada bulan Ramadan, ia juga termasuk menghormati golongan yang lebih tua daripada diri anda seperti abang, kakak, para guru dengan ungkapan yang boleh membangkitkan rasa hormat terhadap mereka.

\* Berbuat baik terhadap jiran tetangga, kawan-kawan, saudara mara, mohonlah kemaafan atas kesalahan yang pernah anda lakukan terhadap mereka, bukan tunggu menjelangnya awal Syawal.

\* Hadiri majlis-majlis tazkirah yang boleh membangkitkan kesedaran dan tanggungjawab terhadap agama.

### Program Ihya' Ramadan Surau Al-Ulum KD9

Semua ahli kariah dijemput menyertai Program Ihya' Sepanjang Ramadan ini yang telah diaturkan di surau kita seperti berikut;

- Solat Terawih & Witir dengan Imam jemputan Ust Mahmood Harun Al-Hafiz dan dibantu Adik Agus Salim dari Madrasah Ust Tahfiz Ar-Rashid, Kelang, Selangor.
- Tahlil Ringkas setiap malam selepas solat Isya' disamping memungut dana surau bagi membiayai program surau dimasa akan datang.
- Majlis Iftar/Berbuka Puasa
  - keluarga Surau Al-Ulum pada 6 Sept. 2008
  - bersama anak-anak yatim, miskin dan ibu tunggal dari sekitar Kota Damansara pada 13 Sept. 2008.
  - bersama dengan anak yatim dari Country Home Rawang dengan kerjasama BSN Takaful Prudential (M) Sdn Bhd pada 20 Sept. 2008
- Pungutan Derma untuk orang perseorangan, sekolah pondok, madrasah dalam dan luar negara turut dijalankan.
- Majlis Ilmu/Tazkirah berjalan setiap malam selepas solat Terawih/Witir (sila rujuk jadual di muka 4 atau di papan notis surau).
- Qiamullail setiap malam Sabtu pimpinan ustaz jemputan
- Tazkirah ringkas selepas solat suboh setiap hari
- Taddarus Al-Quran
  - lelaki & wanita dewasa – selepas solat Terawih
  - remaja – selepas solat Asar

\* Carilah keaiban diri sendiri untuk melakukan pengislahan dengan bersungguh-sungguh, kerana sepanjang Ramadan adalah waktu yang paling sesuai untuk melakukannya, janganlah biarkan Ramadan berlalu tanpa melakukan perkara yang terbaik buat diri anda sendiri.

\* Tinggalkan tabiat buruk menjelang Ramadan seperti suka melewatkan solat fardu, melepak, tidak suka berkunjung ke masjid atau surau.

\* Hormati bulan Ramadan dengan menutup aurat dengan sempurna lebih-lebih lagi jika anda seorang Muslimah, kerana orang yang tidak menghormati bulan Ramadan dengan menjaga maruah dan harga dirinya tidak mungkin akan diberi syafaat (recommendation) Rasulullah s.a.w. untuk masuk syurga pada hari Kiamat.

Yang penting, pengislahan diri yang mahu anda lakukan itu pada bulan Ramadan, janganlah terhenti dengan kedatangan bulan Syawal, kerana Allah SWT bukan sahaja ada pada bulan Ramadan, malah sepanjang bulan, sepanjang masa Dia memerhatikan kita.

Mudah-mudahan Ramadan tahun ini adalah yang terbaik untuk kita persembahkan ke hadirat Allah SWT. Ingatlah saudara-saudari, umur kita semakin hari semakin meningkat tua, perhatikan sepanjang kita hidup yang sudah pun mencecah puluhan tahun dengan memakan rezeki Allah.

Apa yang telah kita lakukan untuk agama-Nya dari sudut sumbangan, jasa bakti seperti yang pernah ditonjolkan oleh pasa sahabat baginda sebelum mereka meninggal dunia. Sama-samalah kita fikirkan.

Amalan baik yang dilakukan dalam bulan Ramadhan akan dilipatgandakan pahalanya oleh Allah SWT khususnya ibadah puasa yang mana pahala orang yang berpuasa pada bulan ini dapat membakar dosa-dosanya yang telah lalu. Oleh itu amatlah wajar kita mengambil kesempatan dibulan yang mulia ini untuk meningkatkan amal ibadah kita sebagaimana yang telah ditentukan.

## 1. Kewajipan Berpuasa

Sesungguhnya bulan Ramadhan adalah bulan yang setiap tahun dinantikan ketibaannya oleh setiap umat Islam, kerana ia bulan yang mulia dan memberikan banyak manfaat, fadhilat dan masa depan yang cerah bagi mereka yang menghayatinya. Pada bulan Ramadhan inilah umat Islam diwajibkan berpuasa sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: "*Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana yang diwajibkan atas orang yang sebelum kamu mudah-mudahan kamu bertaqwa. (Maka yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah bulan Ramadhan yang padanya diturunkan Al-Quran menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Justeru itu sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu.*" (Al-Baqarah: 183-185)

### a. Ikan di laut memohonkan keampunan bagi orang yang berpuasa

Dalam sebuah hadith dijelaskan; apabila Allah mencintai seseorang, Dia berfirman kepada Jibril: "Aku mencintai orang itu maka kamu juga hendaklah mencintainya." Jibril pun mencintainya dan mengumurnkan kepada penghuni langit: "Orang itu dicintai Allah, kesemua kamu hendaklah mencintainya." Dengan itu kesemua penghuni langit mulalah mencintainya. Maka, kecintaan terhadap orang yang berpuasa tersebut akan tersebar ke bumi.

Biasanya mereka yang hampir kepadanya sahaja yang seolah-olah nampak mencintainya, tetapi di sini kecintaan itu tersebar ke semua arah; malahan sehingga binatang-binatang di hutan dan ikan-ikan di laut pun turut mencintainya. Kesemuanya akan berdoa bagi orang yang berpuasa."

### b. Pintu-pintu syurga di buka

Rasulullah SAW bersabda: "Pada malam pertama bulan Ramadhan diikat semua syaitan dan jin dan ditutup semua pintu-pintu neraka dan tidak dibuka satu pintu pun darinya. Dan dibukakan pintu-pintu syurga dan tidak ditutup satu pun darinya. Maka berserulah penyeru; Wahai orang yang melakukan kebaikan hampirlah kamu, wahai orang yang melakukan kejahatan mundurlah kamu. Dan sesungguhnya Allah mempunyai ahli neraka yang dibebaskan dan yang demikian itu berlaku pada setiap malam (Ramadhan). (HR. Tirmizi dan Ibn Majah)

### c. Akan mendapat keampunan

Dalam hadith yang lain pula diterangkan, bahawa siapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan dengan sungguh-sungguh beriman dan ikhlas kerana Allah, nescaya diampuni Allah dosa-dosanya yang telah lalu. (HR. Ahmad).

## 2. Mengerjakan solat Tarawih dan Keutamaannya

Ibadah yang paling besar pahalanya selain pahala puasa ialah menghayati setiap malamnya dengan solat sunat Tarawih. Menurut keterangan sebuah hadith Rasulullah SAW yang menerangkan tentang berbagai fadhilat dan faedah yang terdapat dalam mengerjakan solat Tarawih.

Di antara fadhilat dan faedahnya ialah diampuni dosa-dosa dirinya dan kedua ibu bapanya, diberi pahala seumpama pahala tawaf para malaikat di Baitul Makmur, bersih dari dosa seperti baru dilahirkan, dibinakan mahligai di syurga dinaikkan kedudukannya seribu darjat di akhirat dan berbagai lagi.

### a. Pengertian solat Tarawih

Erti Tarawih ialah duduk bersenang-senang atau beristirehat. Solat Tarawih bererti solat dengan rasa senang dan kelapangan hati selepas solat fardhu Isyak. Biasanya duduk berehat setelah mengerjakan empat rakaat solat Tarawih, sebelum disambung semula.

### b. Hukum melaksanakan solat Tarawih

Para ulama telah sepakat mengatakan bahawa hukum melakukan solat Tarawih ini adalah sunat muakad, yang boleh dilakukan seorang diri, baik di rumah, surau mahu pun Masjid dan adalah lebih baik juga dikerjakan secara berjemaah.

### c. Bilangan rakaat solat Tarawih

Dari beberapa keterangan dan riwayat mengatakan, bahawa bilangan rakaat solat Tarawih itu ada beberapa macam iaitu, 8 rakaat, 20 rakaat, 36 rakaat, bahkan ada juga yang mengerjakan 42 rakaat di luar Witir.

## 3. Mengerjakan Solat Sunat Witir

Jika anda berniat hendak bangun tengah malam, mengerjakan solat sunat Tahajjud, solat Hajat, solat Tasbih dan sebagainya, maka solat sunat Witir boleh ditangguhkan dan dilaksanakan terakhir sekali iaitu setelah selesai dikerjakan semua solat-solat tersebut.

Orang ramai yang mendirikan solat Tarawih berjemaah di masjid atau surau, biasanya akan terus mengerjakan solat sunat Witir tiga rakaat (dua salam) dengan cara berjemaah, sebaik sahaja selesai mengerjakan solat Tarawih.

## PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan – Biro Penerbitan & Penerangan

## 4. Beriktikaf 10 Hari Terakhir Rarnadhan

Dari Aisyah ia berkata: " Adalah Nabi SAW beriktikaf pada sepuluh hari terakhir dalam bulan Ramadhan sampai Allah SWT mewafatkan baginda, kemudian isteri-isteri baginda beriktikaf sesudah itu." (HR. Bukhari Muslim)

Yang dimaksud dengan beriktikaf ialah tinggal menyendiri di dalam masjid untuk melakukan ibadah selama sepuluh hari akhir bulan Ramadhan tanpa keluar, kecuali kerana keperluan yang mendesak.

## 5. Memperbanyak Amal dan Sedekah

Amal kebajikan seperti membaca Al-Quran, berdoa, berzikir atau mengajarkan agama, jika dilakukan bertepatan dengan Lailatul Qadar maka Allah akan berikan pahala sama dengan pahala orang yang melakukan amal tersebut selama seribu bulan.

Oleh kerana itu hendaklah pada malam atau siang hari bulan Ramadhan ini kita memperbanyak amal sunnah. Begitu juga kalau kita mampu hendaklah memperbanyak sedekah kepada fakir miskin.

## 6. Memperbanyak Istighfar Pada 10 Malam Terakhir

Rasulullah SAW bersabda, ertinya: "Pada bulan Ramadhan umatku diberi lima perkara yang tidak pernah diberikan kepada seorang nabi pun sebelumku."

Pertama, iaitu bila datang awal malam Ramadhan, Allah Azza Wajalla melihat mereka. Barangsiapa dilihat oleh Allah maka selamanya dia tidak akan disentuh oleh azab.

Kedua, bau mulut mereka pada petang hari di sisi Allah lebih harum dari bau minyak kasturi.

Ketiga, para malaikat memohonkan ampunan bagi mereka setiap siang dan malam."

Keempat Allah Azza Wajalla menyuruh syurganya dengan berfirman maksudnya: "Bersiap-siaplah dan hiasilah dirimu untuk hamba-hambaKu. Kamu sekalian telah dekat saat beristirehat dari keletihan hidup di dunia dan kembali ke kampungKu dan rahmatKu."

Kelima apabila telah tiba akhir malam (Ramadhan), Allah mengampunkan dosa-dosa mereka semua. " (HR. Ahmad dan Baihaqi).

## 7. Memperbanyak Tadarus Al-Quran

Dari Ibn Abbas berkata: "Adalah Nabi SAW orang yang sangat dermawan dan lebih besar lagi kedermawanannya bila berada pada bulan Ramadhan, kerana Jibril biasa menemui baginda pada setiap malam Ramadhan sampai habis bulan. Rasulullah SAW menghadirkan Al-Quran kepadanya dan ketika Jibril menemuinya, baginda sangat besar kedermawanannya, sehingga melebihi angin yang bertiup." (HR. Bukhari)

Maksud hadith di atas ialah, pada setiap malam bulan Ramadhan Jibril berkunjung kepada Rasulullah SA W. Pada saat itu Rasulullah SAW menghadirkan Al-Quran untuk dibaca di hadapan Jibril.

## 8. Membaca Doa Ketika Bertemu Lailatul Qadar

Rasulullah SAW mengajarkan kepada Aisyah supaya berdoa apabila bertemu dengan Lailatul Qadar. Doa tersebut bermaksud, "*Ya Allah, sesungguhnya Engkau lah yang mengurniakan keampunan terhadap dosa-dosaku. Engkau suka mengampun, maka ampunilah aku.*" Wallahualam.

### Fasting Between the Poor and the Rich

A controversy has begun around the world over the possibility of using diet patches to help suppress the appetite during the Ramadan fast. On August 22, AFP reported that a Turkish scholar declared the use of the patches during Ramadan as being permissible.

Mehmet Baris, the mufti or highest Muslim authority, in the southern province of Adana, Turkey, stated that the diet patches can be a tool in teaching oneself discipline. For this reason, he feels that the patches are not objectionable. Theology professor Kerim Yavuz said that since the patches are used on the skin they classify as "showering or applying a pomade on the skin."

The ruling caused controversy as questions arose on whether or not using an appetite suppressant defied one of the core purposes of fasting, namely to teach Muslims patience and will power as well as to provide Muslims with the feeling of hunger to make them more compassionate toward the poor.

Another divisive question is whether the patches provide any nutritional value, thus breaking the fast. Sheikh Abdul-Wahhab bin Nasser Al-Tirairi, a senior Muslim scholar, based in Riyadh, Saudi Arabia said that if the patches are found to provide any nutritional value, they would not be permissible to use during the fast, according to an August 24 article in the *Daily News Egypt*.

#### Ingredients of Diet Patches

There are many brands of diet patches, and different patches contain different ingredients. The five most common ingredients in diet patches include:

- Guarana, which contains caffeine to decrease hunger and speed up metabolism.
- Chromium, which speeds up insulin production.
- Garcinia cambogia, also known as hydroxycitric acid (HCA), to prevent the conversion of carbohydrates into fat. This tropical fruit helps the communication to the brain signaling that you have had enough to eat.
- Fucus Vesiculosus, commonly known as bladderwrack or brown seaweed, which stimulates the thyroid to producing more hormones to increase energy.
- Hoodia, which suppresses the appetite.

The main ingredient of *Fucus vesiculosus* is iodine. Diet-patch manufacturers claim iodine can stimulate the thyroid gland to produce increased amounts of hormones that speed up metabolism. Iodine is a necessary element in the human body, being an essential component of the hormone produced by the thyroid that manages mental and physical development. However, we only need iodine in trace amounts, which we easily get through iodized table salt.

Despite iodine being a natural element, there are still dangers to be aware of when it is being consumed. Iodine can burn the skin and mucous membranes. Too much iodine intake can interfere with the normal function of the thyroid gland, which can lead to enlargement of the thyroid gland, hypothyroidism, hyperthyroidism, or thyroid papillary cancer. According to Columbia University's Health Q&A Internet Service, since excessive amounts of iodine disturb normal hormonal operations, using patches containing *Fucus vesiculosus* can be harmful to people with diabetes or heart problems.

A new, hot trend in dieting is the use of the herb hoodia. Marketed as an appetite suppressant, hoodia is claimed to trick the brain into feeling that you have had enough food. The compound in hoodia known as P57 can imitate glucose in our blood, which when reaches the brain, tells us that we are full.

However, according to the National Center for Complementary and Alternative Medicine, there is no scientific evidence that hoodia works to suppress the appetite. There are very few research reports on the effects or the effectiveness of hoodia.

One potential danger of hoodia is the possibility that it can affect liver function. Jasjit Bindra, a former hoodia researcher at Pfizer Pharmaceuticals, claimed that hoodia's active ingredient, P57, can cause negative effects on the liver, though there are no studies to verify this claim.

Even if hoodia is clinically found to be safe, there is no guarantee that all of the products claiming to be hoodia truly contain it. Hoodia, a cactus-like plant in South Africa, is such an endangered plant that with the high consumer demand for it right now, it is unlikely that there is much, if any, real hoodia in products advertised as hoodia, stated consumerlab.com, an online company that tests product labels.

How Patches Work? It is unclear whether any of the ingredients in diet patches actually control appetite or help one lose weight. When patches are applied to the skin, the chemicals in the patches are slowly absorbed through the skin directly into the bloodstream.

While prescription patches such as nicotine patches are clinically tested and proven effective, there are no scientific studies to indicate whether diet patches should be considered nutritional or even useful in any way. The United States' Federal Trade Commission ordered in 2005 a permanent halt to an Australian company for advertising bogus claims on their diet-patch products.

Three different types of curries, casseroles, a roast, various chutneys, pickles and other side dishes weigh down the dining table. Bowls of haleem, a sustaining broth, and rich desserts round off the main courses. Mounds of pies, cutlets, samoosas, spring rolls and other savory fries complete the lavish spread. With a passing nod to the Sunnah, wealthy South African entrepreneur Cassim breaks his fast with a glass of water and a date before proceeding to the table that is weighed down by the provided iftar. Suhur (the morning meal) is just another opportunity for another greasy pig out session. In a month of sacrifice, this excess extends to the 'Eid-ul-Fitr celebrations where banquets, designer clothing and extravagant gifts are the order of the day. All this pomp and splendor is indulged in the name of God.

#### Beyond Decadence

In another part of the same suburb, another Muslim family are also observing the fast, albeit in a very different fashion. Ousmane and Khadija are refugees from war torn Congo. They break their fast with bread, water and the charity of their fellows. Ousmane's meager security guard salary is barely enough to cover the rent of their dingy flat let alone the food. Why would an undernourished family take it on themselves to fast?

"We appreciate that there are others worse off than us. It is by the grace of Allah that we escaped and although life is not easy, we do not live in fear of bullets and bombs raining down on us. We give thanks to the Almighty every day for this."

While 'Eid may provide a brief respite from hunger, the light is dimmed somewhat by the knowledge that the hardship is just a few days away.

This scenario is sadly all too common in an age when an auspicious occasion becomes irrelevant and tainted by debauchery. Muslim Youth Movement Chairperson Ibrahim Bufelo explains the significance of fasting and Ramadan on the Islamic calendar.

"Ramadan means instilling in human beings self restraint and rising above one's desires and ego. A sense of simplicity and humility is paramount, not being ostentatious and extravagant. The body needs only basic sustenance to perform at optimum levels. We should not be greedy," he said.

Bufelo maintained that the benefits of fasting and an austere lifestyle were not exclusive to followers of the Islamic faith and condemned those who indulged recklessly.

"The spiritual dimension of Ramadan lies in sacrifice and overcoming the ego. Understanding that all means of material production and sustenance belongs not to us but ultimately to the Creator. At the end of day, God consciousness. It is also relevant in these times when the culture of consumerism is the norm under global capitalism. The oppressed working class spend what they don't have, trapped in debt. It is unfortunate many Muslims actually gain weight in Ramadan, eating enormous meals. The Prophet Muhammad (SAW) disposed of any excess in his household every night throughout the year and not just in the Holy Month. It is an example that Muslims should try to emulate and a lesson for humanity," he said.

This is the very antithesis of Islam in the Holiest of holy months - where class distinction is central in fulfillments of the tenets in unexpected ways. **By Ebrahim Moolaa** Journalist, Writer, Editor, Broadcast reporter - South Africa

It is unclear at this time whether any of the ingredients in diet patches actually control appetite or help one lose weight. And they may instead be harmful to your health. As far as the use of these diet patches to assist fasting in Ramadan, Sheikh Al-Tirairi stated that before any decision on their use during fasting is made, the patches should be tested for their nutritional value.

Without concrete evidence one way or the other on the permissibility of using diet patches to suppress one's appetite while fasting, each of us has to choose between either following the Turkish mufti's opinion or following the saying, "When in doubt, leave it out."

**3** By Saffia Meek Freelance Writer - United States

## Petikan Al-Quran/Hadith

"Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami mendengar (seruan) yang menyeru kepada iman (yaitu): "Berimanlah kamu kepada Tuhanmu," maka kami pun beriman. Ya Tuhan kami, ampunilah bagi kami dosa-dosa kami dan hapuskanlah dari kami kesalahan-kesalahan kami dan wafatkanlah kami berserta orang-orang yang berbakti. Ya Tuhan kami, berilah kami apa yang telah Engkau janjikan kepada kami dengan perantaraan rasul-rasul Engkau. Dan janganlah Engkau hinakan kami dihari kiamat. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji." Ali Imran : Ayat 193-194.



### BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



**MAJLIS BERBUKA PUASA KELUARGA SURAU AL-ULUM** telah berjaya diadakan di Perkarangan Surau pada **Sabtu, 6 September, 2008** yang lalu. Sajian berbuka puasa telah disediakan secara bergotong-royong memasak di surau oleh para jemaah muslimin. Para muslimat juga turut menyumbang dengan membawa juadah yang disediakan di rumah masing-masing. Majlis yang turut dihadiri Ustaz yang mengajar di surau kita ini telah berjaya merapatkan hubungan silaturrahim dikalangan ahli jemaah dan keluarga.

**PROGRAM OUT-REACH ANJURAN MUSLIMAT AL-ULUM** – sebagaimana dirancang Muslimat Surau Al-Ulum dengan kerjasama AJK surau akan mengadakan program khas majlis berbuka puasa dan penyerahan bantuan kepada seramai lebihkurang 130 anak-anak yatim, miskin dan ibu tunggal sekitar Kota Damansara pada **Sabtu, 13 September, 2008**. Pihak surau ingin merakamkan ribuan terima-kasih kepada para penyumbang bagi program ini, semoga ianya mendapat keberkatan dan keredaan Illahi.

**MAJLIS BERBUKA PUASA DENGAN ANAK YATIM** dari rumah anak-anak yatim disekitar Rawang dan yang berhampiran akan diadakan pada **Sabtu, 20 September, 2008**. Majlis adalah atas kerjasama antara pihak surau dan Syarikat BSN Takaful Prudential. Pihak surau memohon kerjasama muslimin/muslimat yang berkelapangan untuk membantu memasak juadah berbuka puasa di surau selepas solat zohor pada hari berkenaan. Semua ahli kariah juga dijemput untuk bersama-sama dimajlis tersebut dan sumbangan juadah berbuka puasa dari jemaah amatlah dialu-alukan.

**BAYARAN ZAKAT FITRAH** – Lembaga Zakat Selangor MAIS telah melantik Hj Mohd Ali Mungai, Pengerusi Surau Al-Ulum KD 9 untuk menjadi amil kutipan zakat fitrah Tahun 1429H bagi umat Islam sekitar Seksyen 9 Kota Damansara dan yang berdekatan dengannya. Ahli kariah bolehlah berjuma beliau disurau pada masa-masa yang ditetapkan. Kadar zakat fitrah bagi negeri Selangor pada tahun ini adalah **RM 5.20** seorang.

**RAYUAN KEPADA JEMAAH SURAU AL-ULUM KD9**. Sekali lagi pihak jawatankuasa mengharapkan kerjasama semua jemaah agar mengembalikan bahan-bahan bacaan/kita secepat mungkin sebaik saja selesai menggunakannya bagi manfaat jemaah yang lain dan para penyumbang.

**[PERINGATAN] BADAN KHAIRAT KEMATIAN AS-SAHABAH (BKAS)** sedang dalam proses mengemaskinikan data/maklumat keahlian disamping menjalankan kajian bagi penyertaan dalam Takaful. Kepada semua ahli kariah Al-Ulum KD9 yang menjadi ahli BKAS diminta memberikan kerjasama dalam eksersais ini disamping sekali lagi diingatkan agar menjelaskan yuran tahunan RM20 kepada badan tersebut. Sila hubungi **Sdr Amir Abd Rahman** (wakil BKAS di Al-Ulum KD9) ditalian **013-3452020**. Sila dapatkan borang kemaskini dan maklumbalas yang disediakan di Surau Al-Ulum KD9.

### Jadual Aktiviti / Pengajian (September '08) Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/9 (Isnin)	Ust. Adli Saad	Umum
02/9 (Selasa)	Ust. Kashfun Nazir	Umum
03/9 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Pelajaran)	Umum
04/9 (Khamis)	Ust. Idris Ahmad	Umum
05/9 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Daud	Umum
06/9 (Sabtu)	Ust. Ramadan (UIA)	Umum
07/9 (Ahad)	Ust. Muhammad Meeftah	Umum
08/9 (Isnin)	Ust. Mohd Fadzil Ismail	Umum
09/9 (Selasa)	Ust. Khairi Al-Hafiz	Umum
10/9 (Rabu)	Ust. Osman Khusnan	Umum
11/9 (Khamis)	Ust. Abd Malek (JAWI)	Umum
12/9 (Jumaat)	Ust. Irwan Fateha	Umum
13/9 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al-Buntari	Umum
14/9 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll	Umum
15/9 (Isnin)	Ust. Haryanto Rizal Rokaman	Umum
16/9 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon	Umum
17/9 (Rabu)	Ust. Abd Halim Din	Umum
18/9 (Khamis)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Umum
19/9 (Jumaat)	Ust. Fatah (Imam Masjid KD)	Umum
20/9 (Sabtu)	Ust. Ahmad Al-Khauthari	Umum
21/9 (Ahad)	Ust. Mohd Nizam Abd Kadir (UIA)	Umum
22/9 (Isnin)	Ust. Mohd Nizam Kamaruzaman	Umum
23/9 (Selasa)	Ust. Mistahuddin	Umum
24/9 (Rabu)	Ust. Nazri Din (Perak)	Umum
25/9 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Umum
26/9 (Jumaat)	Ust Ariffin Mokhtar (Kelantan)	Umum
27/9 (Sabtu)	Ust. Haneef Zin	Umum
28/9 (Ahad)	Ust. Norhisyam	Umum
29/9 (Isnin)	Rehat	
30/9 (Selasa)	Takbir Eidul Fitr	

#### Kuliah Khas HELWA

Selasa 11.30 pagi	Ust. Azzahari	Harfiah
Rabu 8.30 pagi	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Tafsir
Jumaat 8.30 pagi	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah Rasul saw

#### Kuliah Suboh

01/9 (Isnin)	Ust. Rosdi Abd Rahman	Umum
06/9 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al-Buntari	Umum
07/9 (Ahad)	Ust. Nazri Din (Perak)	Umum
13/9 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Mohd Ali	Umum
14/9 (Ahad)	Ust. Mazlan Khamis (Kelang)	Umum
17/9 (Rabu)	Ust. Azizi Mat Daud	Umum
20/9 (Sabtu)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Umum
21/9 (Ahad)	Ust. Shakir Husn Khalid	Umum
27/9 (Sabtu)	Ust. Ibrahim Zakaria	Umum
28/9 (Ahad)	Ust. Jemputan	Umum

PERHATIAN : Jadual di atas tertakluk kepada perubahan, sila semak di Papan Notis surau untuk jadual terkini. Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan.

**PUNGUTAN DANA** – Sepanjang Ramadan ini pihak surau akan meneruskan usaha bagi memungut dana bagi tabung berikut:

1. Tabung Al-Qud – Selamatkan Masjidil Aqsa
2. Tabung Fakir/Miskin Keluarga Angkat Al-Ulum di Selama, Perak
3. Tabung Masjid Kota Damansara
4. Tabung Am Aktiviti Surau Al-Ulum KD
5. Tabung-tabung kebajikan lain (atas permintaan)

Sumbangan yang berterusan daripada jemaah amat-amat dialu-alukan. Semoga mendapat keberkatan dibulan yang mulia ini